

Sudah dua kali kena bakar

■ Penduduk guna jalan jauh selepas jambatan utama rosak, berlubang

Siraj Mohd Zaini

siraj@hmetro.com.my

Klang

Pentingkan diri sendiri. Itu sikap pihak tidak bertanggungjawab yang bertindak membakar jambatan di jalan Kampung Kebun Baru, Batu 5, Kapar, di sini, yang akhirnya menyusahkan penduduk kampung.

Penduduk yang berpin-dah disebabkan benteng penghalang air pasang besar runtuh sejak Ahad lalu terpaksa menggunakan laluan lain selepas jambatan sepanjang 10 meter itu rosak dan berlubang di bahagian tengah selepas didakwa di-bakar sejak Ogos lalu.

Penduduk di Kampung Sri Keramat, Mohd Husin Ali, 32, mengakui jamba-tan terbabit hanya boleh digunakan pengguna moto-sikal dan basikal saja, namun ia tetap mengan-cam nyawa ke-rana tahap kese-lamatannya tidak diketahui.

Katanya, fenomena air pasang besar yang me-ngakibatkan ratusan pen-duduk di kampung berke-naan terpaksa berpindah ke pusat pemindahan menyebabkan mereka mengguna-



DR Daroyah (tengah) melihat jambatan yang dibakar di Jalan Kampung Kebun Baru, Batu 5, Kapar.

FAKTA
RM70,000
diperlukan untuk
membaiki
kerusakan jambatan

kan laluan alternatif se-lepas satu-sa-tunya jambatan yang menghubungkan kampung tidak boleh di-gunakan lagi.

"Jalan alternatif itu lebih kecil dan terpaksa melalui kawasan perumahan, saya

tak tahu siapa punya kerja yang membakar jambatan ini dan ia menyusahkan penduduk.

"Saya minta pihak ber-tanggungjawab tolong baiki dan jika perlu siasat siapa punya angkara kerana ia kemudahan awam.

"Bayangkan keselamatan

anak-anak yang terpaksa menggunakan jambatan itu dengan menaiki motosikal dan basikal terutama mu-sim hujan yang menyebab-kannya licin," katanya ke-tika ditemui di sini.

Ruzita Bahar, 47, meng-harapkan jambatan itu di-bina semula dengan meng-

gunakan konkrit dan bukan hanya dibaiki kerana ia bu-kan kejadian pertama yang berlaku membabitkan bi-naan berkenaan.

"Kejadian bakar jambatan itu kali kedua dan sebelum ini ia berlaku tahun lalu. Selepas itu ia dibaiki semula dan tidak sangka ia berlaku

kembali.

"Saya minta kerajaan buat jambatan konkrit ke-rana ia lebih kukuh dan su-dah semestinya tidak ada kejadian vandalisme di-la-kan pihak tertentu," ka-tanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesiha-tan, Kebajikan, Pembangu-nan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, pi-haknya sudah membuat la-poran polis bagi meminta pi-hak berkuasa menyiasat da-lang di sebalik kegiatan itu.

Beliau yang juga Ahli De-wan Undangan Negeri (ADUN) Sementa berkata, RM20,000 sudah diperun-tukkan bagi membaiki jam-batan itu tahun lalu dan di-anggarkan lebih RM70,000 diperlukan bagi membaiki kerosakan berkenaan.

Katanya, kerajaan negeri juga dalam usaha menaik taraf jambatan terbabit ke-pada konkrit yang diang-garkan menelan kos lebih RM2 juta.

"Tindakan vandalisme ini tidak memberi sebarang fa-edah kepada orang ramai malah menyusahkan pen-duduk di sini kerana ia la-luan utama masuk ke ka-wasan kampung.

"Kami sedang berusaha untuk menaik taraf jamba-tan itu kepada struktur le-bih sempurna bagi kegu-naan penduduk pada masa akan datang," katanya.